

04/03/1998

Menjelaskan Nita kepada masyarakat

Hizral Tazzif Hisham

PERSIDANGAN Teknologi Maklumat Kebangsaan (Infotech Malaysia 98) yang berlangsung selama empat hari bermula 21 April depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur dijangka menjadi platform utama untuk memperjelaskan lagi Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan (Nita) kepada masyarakat.

Nita yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Oktober tahun lalu adalah pelan tindakan teknologi maklumat nasional yang akan merangkumi kesemua lapisan masyarakat.

Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen, berkata jika sebelum ini kerajaan memperkenalkan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai wadah negara mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang 2020.

"Bagaimanapun, MSC hanya terbatas kepada kawasan tertentu tetapi Nita adalah meluas dan mencakupi segenap masyarakat," katanya dalam sidang akhbar di ibu pejabat Mimos di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, minggu lalu.

Infotech Malaysia 98 dan juga pameran komputer ITX 98 anjuran Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom) bertemakan Menukar Riak Menjadi Gelombang. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi NITC, dijangka menyampaikan ucapan pada pelancaran persidangan serta pameran itu yang akan menarik lebih 1,000 peserta.

Infotech Malaysia 98 akan membicarakan pelbagai isu menarik seperti Pembangunan Sumber Manusia - Mempertingkatkan Celik IT; Menerokai Multimedia - Penyatuan Pembangunan Teknologi Maklumat; Teknologi Maklumat untuk Rakyat - Peranan, Cabaran dan Peluang serta Pembangunan Aplikasi - Aplikasi Tempatan untuk Isu Global.

Menurutnya, Infotech Malaysia 98 yang akan datang akan bertindak sebagai landasan bagi pendukung wawasan tempatan dan antarabangsa menyuarakan pandangan mereka serta mengenal pasti isu utama dan cabaran yang terpaksa dihadapi dalam mewujudkan operasi agenda IT negara.

Beliau menyifatkan Infotech Malaysia sebagai kad laporan yang menjelaskan perkembangan serta kemajuan agenda IT di peringkat negara, negeri dan tempatan. "Ini kerana ia akan mengumpulkan pembuat keputusan daripada sektor awam, swasta, sektor bukan komersil serta pihak media untuk membincangkan isu nasional serta arah dan haluannya berkaitan pembangunan IT negara," katanya.

Selain persidangan, peserta boleh memilih untuk menyertai bengkel yang akan membincangkan isu utama seperti Millennium Bug (Y2K), perdagangan elektronik dan pembentukan usahawan siber.

Sementara itu, ITX'98 yang diadakan serentak dengan Infotech Malaysia 98 dijangka dapat menarik lebih 40,000 pengunjung. Pengerusi Pikom, Shaifubahrim Salleh, berkata 30 syarikat IT tempatan sudah mengesahkan penyertaan mereka yang mana 60 peratus daripada 1,000 meter persegi ruang pameran sudah dipenuhi.

Katanya, antara acara menarik tahun ini ialah peluang kepada individu untuk mempamerkan penyelesaian ciptaan mereka di ruang Aplikasi Demonstrator (AD) dengan kadar RM600.

"Melalui sudut AD ia akan bertindak sebagai pusat inovasi bagi rakyat tempatan menunjukkan kebolehan mereka untuk membangunkan produk yang mampu diketengahkan ke peringkat antarabangsa," katanya.

(END)

